**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005

## BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

1103/1

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** bahagian : **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab* **Soalan Bahagian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B**.
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak 1 halaman tidak bercetak


©2005 Hak Cipta Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah) MARA


Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Bahagian A**
(*Masa yang dicadangkan* : 45 *minit*)

[ 30 *markah* ]

*Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang seni mempertahankan diri. Panjang huraian,* **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**SENI MEMPERTAHANKAN DIRI**



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Bahagian B**
(*Masa yang dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit)*

[ 100 *markah* ]

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan* yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Menjelang tahun 2010, kebanyakan bandar di negara ini dijangka mengalami kesesakan lalu lintas yang serius. Oleh itu, pengangkutan awam amat penting bagi mengatasi masalah tersebut.

   Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk menggalakkan orang ramai menggunakan sistem pengangkutan awam.

2. Ada pendapat menyatakan 'Kebanyakan penyakit berpunca daripada amalan pemakanan'.

   Bahaskan pernyataan ini.

3. Bersempena dengan Hari Kebangsaan, sekolah anda telah menganjurkan forum yang bertajuk, 'Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar.' Antara ahli panel yang telah diundang untuk mengemukakan pendapat mereka ialah tokoh sejarah, ahli akademik, dan bekas perajurit.

   Tulis forum tersebut selengkapnya.

4. Teknologi maklumat dan komunikasi amat penting dalam pembangunan dan kemajuan negara kita.

   Tulis ulasan anda tentang pernyataan di atas.

5. Kelab Penulisan Kreatif sekolah anda akan menganjurkan pertandingan menulis cerpen berasaskan peribahasa, 'Genggam bara api, biar sampai jadi arang'. Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.

   Tulis cerpen anda selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2005

## BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**1103/2**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **empat** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan bagi* **Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d)** *dan* **Soalan 4** *berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak


©2005 Hak Cipta Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah) MARA


Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

**Soalan 1 : Rumusan**

[ 30 *markah* ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang* **masalah-masalah yang timbul akibat penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta di negara ini dan cara-cara untuk mengatasinya**. *Panjang rumusan* ***hendaklah tidak melebihi*** **120 patah perkataan**.

Kewujudan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bertujuan untuk membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di peringkat kolej ataupun universiti. Hal ini demikian kerana jumlah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terdapat di negara ini tidak mampu menampung kehadiran pelajar yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Lantaran penubuhan IPTS diharapkan dapat menyelesaikan masalah tersebut di samping menyediakan alternatif pengajian serta peluang yang banyak untuk para pelajar mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan. Namun kewujudan IPTS yang seperti cendawan tumbuh selepas hujan itu telah menimbulkan kebimbangan kepada beberapa pihak bahawa akan berlaku persaingan tidak sihat yang boleh menjejaskan mutu pendidikan negara.

Kini terdapat 666 buah IPTS dengan jumlah pelajar sebanyak 232,069 orang. Daripada statistik tersebut, sejumlah 60,000 orang pelajar terdiri daripada kaum bumiputera, berbanding dengan 172,000 orang pelajar bukan bumiputera. Kita sedia maklum bahawa syarikat swasta dan korporat yang mengendalikan IPTS meletakkan nilai komersial dan keuntungan sebagai matlamat yang utama. Oleh itu, tidak hairanlah jika kos pengajian di IPTS jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos pengajian di IPTA. Kekangan ini menyebabkan tidak ramai kaum bumiputera dapat mengikuti pelbagai kursus yang mempunyai nilai komersial dan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Sememangnya tidak dinafikan bahawa untuk membolehkan IPTS terus “hidup” dan melestarikan kewujudannya, faktor keuntungan tidak boleh diketepikan. Namun hal ini tidak bermakna pihak-pihak yang mengendalikan IPTS boleh tangkap muat sahaja pelajar-pelajar yang memasuki institusi mereka. Perkara yang didapati berlaku ialah terdapat IPTS yang menerima pelajar-pelajar mengikuti pengajian di institusi mereka meskipun pelajar-pelajar tersebut tidak memiliki kelayakan akademik yang minimum. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berlaku, kita khuatir IPTS hanya akan melahirkan bilangan graduan yang ramai tetapi gagal memenuhi spesifikasi pencapaian akademik yang ditetapkan.

Tidak ada gunanya negara mempunyai kuantiti graduan yang banyak jika mereka tidak mempunyai kualiti yang boleh memberi sumbangan untuk pembangunan negara dan masyarakat. Dalam memperkatakan soal kualiti, kita juga perlu mengambil kira persoalan moral dan akhlak para pelajar di pusat pengajian tinggi swasta. Kebanyakan IPTS bersikap lepas tangan dalam menjalankan tanggungjawab membentuk sahsiah serta melengkapkan pelajar-pelajar dengan nilai-nilai murni. Suatu ketika, kita dihantui kebimbangan apabila banyak IPTS membawa masuk tenaga pengajar luar yang mengutamakan bahasa Inggeris di samping membawa masuk bersama mereka kebudayaan kuning yang turut mempengaruhi para pelajar kita sehingga masalah pergaulan bebas dalam kalangan pelajar IPTS begitu membimbangkan. Kita bimbang perkembangan ini akan ***menghancurkan aspirasi*** pendidikan negara untuk melahirkan individu intelek yang bukan sahaja pintar, malahan memiliki akhlak murni serta semangat cinta akan negara yang tinggi.

(Diubahsuaikan daripada rencana *IPTS : Antara Keuntungan dan Tanggungjawab Sosial* oleh Haslina Hassan, Dewan Masyarakat Ogos 2002)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

## Soalan 2 : Pemahaman

**Soalan 2** *(a)* **Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1** *di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan *menghancurkan aspirasi*?

(2 *markah*)

(ii) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kerajaan menggalakkan pertumbuhan institusi pengajian tinggi swasta di negara ini.

(3 *markah*)

(iii) Sebagai pelajar, adakah anda bersetuju untuk menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi swasta?

Berikan alasan anda.

(4 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Soalan 2** *(b)* **Petikan Drama**

*Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

PUTERI HANG LI PO : Pandai Orang Kaya mengolah bicara hingga tujuan asal beta untuk melamar cinta telah tuan hamba ubah pula menjadi seolah-olah beta hanya menguji Orang Kaya.

HANG JEBAT : Sememangnya pada hemat patik, Tuanku Puteri hanya menguji patik. Adalah wajar perbuatan Tuanku Puteri itu tadi untuk mengukur kesetiaan hamba sahaya. Atas anggapan itu akan patik tanam lagi dengan sekukuh-kukuhnya akan kesetiaan hamba sahaya seperti patik ini untuk panduan Tuanku Puteri. Percayalah Tuanku Puteri bahawa atas nama hulubalang Melayu tidak terlintas di hati lelaki yang perwira dan taat pada rajanya untuk menderhaka sedemikian rupa. Mereka akan lebih rela mati daripada menjejaskan kedaulatan raja. Apatah lagi Sultan Melaka sungguh adil dan saksama serta bijaksana pula. Jika ada sesuatu kedurjanaan akan segera dikesan oleh baginda.

PUTERI HANG LI PO : Malu amat beta dibuat oleh kata-kata Orang Kaya. Apalah lagi yang ada pada beta selepas ini. Sudahlah dagang di negeri orang, menumpang kasih pula dilarang.

[Dipetik daripada drama *Puteri Hang Li Po* dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka]

(i) Nyatakan alasan-alasan yang diberikan oleh Hang Jebat ketika menolak lamaran cinta daripada Puteri Hang Li Po?

(3 *markah*)

(ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang harus diambil oleh Hang Jebat untuk menyedarkan Puteri Hang Li Po tentang perbuatannya yang curang terhadap sultan?

(3 *markah*)

(iii) Huraikan **satu** pengajaran yang boleh diambil daripada petikan di atas dan **dua** pengajaran dalam drama tersebut.

(3 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
www.myschoolchildren.com

**Soalan 2** *(c)* **Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka Tun Mamat pun pergilah dengan dua orang yang pantas berjalan sertanya naik Gunung Ledang. Telah datang had buluh perindu, maka segala orang yang naik itu seperti akan terbang rasanya, daripada sangat keras angin bertiup. *Maka awan pun dapat dicapai lakunya*. Syahdan, bunyi buluh perindu itu terlalu merdu bunyinya, segala mergastua pun hairan mendengar dia. Maka Tun Mamat bertemu dengan satu taman, terlalu indah-indah perbuatan taman itu. Maka serba bunga-bungaan dan pelbagai buah-buahan ada dalam taman itu sekaliannya dengan jambangannya, pelbagai rupa jambangan. Setelah dilihat oleh Tun Mamat, segala burung di dalam taman itu pun berbunyi, pelbagai bunyinya, ada yang bersiul, ada yang seperti orang berbangsi, ada yang seperti orang bersyair, ada seperti orang berbait, ada seperti orang berseloka, ada yang seperti orang bergurindam. Limau mengkar pun bersorak, anggerik pun mengilai, delima tersenyum, bunga air mawar berpantun katanya ;

Sana-sini gigi menimang,
Hendak makan ikan dalam telaga;
Lagi lemak telur berlinang,
Sisiknya lekat kepada dada.

Maka disahut oleh bunga tanjung biru, katanya ;

Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada;
Adakah gila bagimu tuan?
Burung terbang dipipiskan lada.

(Dipetik daripada *Peminangan Puteri Gunung Ledang*
dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah maksud *maka awan pun dapat dicapai lakunya* berdasarkan petikan di atas?

(2 *markah*)

(ii) Gambarkan keadaan taman semasa Tun Mamat tiba di situ.

(3 *markah*)

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah bunga tanjung biru melafazkan pantun tersebut?

(3 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Soalan 2** *(d)* **Petikan Puisi**

*Baca sajak di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN**

Kelelahan kita semakin parah tenatnya
berserta kekejaman mengatasi kedamaian
titik pertemuan menjadi tentangan
tak siapa mahu beralah.

Saat ini siapa lagi sanggup bersemboyan
janjikan harapan semanis janji orang bercinta
setiap pembicaraan tanpa persatuan
*kejujuran mati di hati*.

Hari ini tak payah parau bertanya
ketuaan dunia akan tenggelam juga
dalam kebodohan manusia
yang kian bermuka dua.

Demi kelak dewasanya anakku
kau bikinlah perhitungan sendiri
untuk menjengah neraka kecintaan manusia
mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!
tambah mengimbau sorotan kitab ESA!
hanya kesejahteraan membunga api.

SALMI MANJA
*Antologi Anak Laut*
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan *kejujuran mati di hati*?

(2 *markah*)

(ii) Berdasarkan sajak di atas, pada pendapat anda, bagaimanakah manusia dapat mencapai kesejahteraan hidup?

(3 *markah*)

(iii) Huraikan nilai-nilai yang terdapat dalam sajak di atas.

(4 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[ 30 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan*

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh memberikan imbuhan pada perkataan tersebut.*

(i) keluh-kesah
(ii) haru-biru
(iii) punah-ranah
(iv) desas-desus
(v) cacat-cela
(vi) lekuk-lekak

(6 *markah*)

(b) *Tulis semula ayat-ayat di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.*

Tsunami berlainan daripada gelombang pasang surut. Gelombang pasang surut disebabkan oleh pergerakan planet seperti bulan. Ombak besar ialah fenomena ombak yang berbeza. Ombak besar disebabkan oleh faktor tekanan angin. Tsunami disebabkan pergerakan bumi di bawah laut. Tsunami biasanya berlaku disebabkan aras dasar laut menurun. Penurunan berlaku dengan serta-merta. Tsunami boleh mencapai kelajuan 800 km sejam. Tsunami telah meragut nyawa ratusan ribu manusia.

(6 *markah*)

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

(i) Pelbagai jenis alatulis dijual dengan harga yang rendah semasa berlangsungnya pameran buku dianjur Gabungan Persatuan Penulis Remaja Malaysia di Kangar baru-baru ini.

(ii) Bekalan elektrik diputuskan sebaik-baik sahaja rancangan sukan itu hendak disiarkan oleh stesyen televisyen itu.

(iii) Pelajar hendaklah mempunyai daya pimpinan yang tinggi dan berketrampilan dalam pergaulan seharian.

(6 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah atau bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan betulkannya dengan menulis semula ayat itu tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

(i) Kerja-kerja menangkap sotong sesuai dilakukan di waktu malam sahaja.

(ii) Cita-citanya untuk memanjangkan pelajarannya ke universiti belum tercapai lagi oleh kerana hidupnya yang susah itu.

(iii) Pendaftaran kapal terbang-kapal terbang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dipantau oleh pegawai di menara kawalan.

(6 *markah*)

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian isikan tempat-tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.*

Pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara hendaklah pandai menyesuaikan diri ketika berada di tempat orang, bak kata pepatah (i) .....
Mereka juga dinasihatkan belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya kerana (ii).....
Setelah tamat pengajian, mereka hendaklah pulang ke tanah air untuk memberikan sumbangan bakti kepada bangsa dan negara, agar tidak bersikap (iii).....

(6 *markah*)



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**

**Soalan 4 : Novel**

[ 15 *markah* ]

*Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan* **satu** *daripada novel yang berikut :*

(i) Terminal Tiga karya Othman Puteh

(ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf

(iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said

(iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah

(vii) Julia karya Abu Hassan Morad

(viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

(a) Watak utama sering diduga dengan pelbagai masalah namun tabah menghadapinya. Huraikan **tiga** bukti ketabahan watak utama yang terdapat dalam novel yang anda kaji.

(7 *markah*)

(b) Jelaskan perasaan anda selepas membaca novel yang anda kaji.

(8 *markah*)

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :
**www.myschoolchildren.com**